



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KANAK-KANAK DAN
KESEJAHTERAAN KOMUNITI SARAWAK**

STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)
GERAN TAHUNAN KHAS (GTK)
INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAkk)
SARAWAK

**Disediakan oleh:
Bahagian Pembangunan Awal Kanak-kanak,
Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan
Kesejahteraan Komuniti**

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) GERAN TAHUNAN KHAS (GTK)
INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK) SARAWAK**

1.0 LATAR BELAKANG

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak komited dalam memastikan pembangunan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti di negeri Sarawak. Susulan daripada itu, bermula tahun 2019, Kerajaan Negeri Sarawak telah meluluskan pemberian Geran Tahunan Khas sebanyak RM5,000 secara *one-off* kepada setiap Institusi Pendidikan Awal Kanak-kanak (IPAKK) yang berdaftar di Sarawak.

2.0 TUJUAN GERAN

Menyediakan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti bermula daripada TASKA dan TADIKA berfokuskan kepada:

- 2.1 Pemakanan sihat dan seimbang;
- 2.2 *Fun learning* dan pendigitalan asuhan dan bimbingan kanak-kanak;
- 2.3 Program pembangunan profesionalisme pendidik dan pengasuh;
- 2.4 Program yang melibatkan ibu bapa;
- 2.5 Kerja-karya pembaikan kecil; dan
- 2.6 Pembelian perabot dan peralatan elektrik.

3.0 PENERANGAN PENGGUNAAN GERAN MENGIKUT TUJUAN

Bil.	Tujuan Penggunaan	Penerangan	
		√	X
1.	Pemakanan sihat dan seimbang	<ol style="list-style-type: none">1. Membeli makanan basah seperti ayam/sayur/daging.2. Membayar pembekal yang membekalkan makanan sihat kepada IPAKK.	<ol style="list-style-type: none">1. Makanan yang diproses/<i>frozen</i>2. Vitamin kanak-kanak3. Peralatan memasak4. Bengkel/Demo masakan5. Pembayaran suntikan thypin/thypoid

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) GERAN TAHUNAN KHAS (GTK)
INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK) SARAWAK**

Bil.	Tujuan Penggunaan	Penerangan	
		✓	X
2.	<i>Fun learning</i> dan pendigitalan asuhan dan bimbingan kanak-kanak	1. Alat Bantu Mengajar 2. Permainan kanak-kanak yang berkaitan dengan aktiviti berunsurkan <i>experience, experiment dan adventure</i>	Aktiviti yang tidak berkaitan dengan <i>fun learning</i> dan pendigitalan
3.	Program pembangunan profesionalisme pendidik dan pengasuh	Kursus yang diadakan hendaklah berkaitan dengan pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak	Mesyuarat/team-building/discussion/aktiviti sendiri IPAKK
4.	Program yang melibatkan ibu bapa	1. Gotong – royong 2. Hari Permuafakatan 3. Hari/Majlis Bersama Ibu Bapa	Majlis Konvokesyen/ Apresiasi/ Penghargaan/ Hari Jadi
5.	Kerja-kerja pembaikan kecil	Kerja-kerja pembaikan kecil hendaklah tidak melebihi RM500.00	
6.	Pembelian perabot dan peralatan elektrik	Mana-mana perabot/peralatan mengikut keperluan IPAKK bagi kegunaan kanak-kanak	1. Barangan kegunaan pengurusan dan pentadbiran 2. Barangan yang dibeli secara ansuran/sewa

4.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN INSTITUSI

- 4.1 Permohonan hendaklah dikemukakan secara **online** melalui website iSarawakcare;

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) GERAN TAHUNAN KHAS (GTK)
INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK) SARAWAK**

- 4.2 IPAKK **wajib berdaftar** di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (Seksyen 20, Akta Pendidikan 1996), Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (Akta TASKA 1984), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Perpaduan), Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak dan SeDidik Sdn. Bhd. adalah layak memohon GTK;
- 4.3 IPAKK **masih beroperasi, lesen pendaftaran belum tamat tempoh**/pendaftaran dan masih sah di bawah jabatan induk;
- 4.4 Mempunyai kanak-kanak yang berdaftar;
- 4.5 Telah menghantar laporan bagi penggunaan GTK 2022. (Bagi IPAKK yang baru memohon/bertukar pemilik, pengusaha hendaklah menghantar surat rasmi memaklumkan perkara tersebut);
- 4.6 Mempunyai **akaun bank IPAKK yang masih aktif dan mempunyai no. ID bank** (bukan akaun persendirian); dan
- 4.7 IPAKK yang menggunakan akaun syarikat diwajibkan mengemukakan surat rasmi sokongan/makluman untuk menggunakan akaun tersebut dan hendaklah mempunyai lesen yang sah untuk pengoperasian IPAKK.

5.0 KELULUSAN DAN PENYALURAN GERAN KE INSTITUSI GERAN

- 5.1 Peruntukan geran akan disalurkan terus ke akaun bank IPAKK rasmi seperti dalam borang permohonan.
- 5.2 Geran yang diperuntukkan adalah berdasarkan institusi dan bukan berdasarkan bilangan kelas atau murid sesebuah institusi.
- 5.3 Setiap IPAKK **wajib** menggunakan akaun bank IPAKK rasmi atau akaun bank yang didaftarkan bagi lesen perniagaan IPAKK tersebut dan mempunyai **ID Bank yang betul**.
- 5.4 Akaun bank persendirian/peribadi tidak diterima bagi penyaluran GTK.
- 5.5 Telah menghantar laporan penggunaan GTK 2022 yang lengkap.

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) GERAN TAHUNAN KHAS (GTK)
INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK) SARAWAK**

6.0 PELAPORAN

- 6.1 Laporan penggunaan dibuat oleh IPAKK mengikut format **Lampiran 3 GTK/Ver.1/23**. Semua laporan hendaklah dihantar kepada Urus Setia selewat-lewatnya pada 30 Oktober 2023 secara *online* ke alamat emel **gtk@sarawak.gov.my**.
- 6.2 Sekiranya IPAKK lewat menghantar laporan maka IPAKK perlu menyediakan sebab/justifikasi secara bertulis dan rasmi kepada pihak Kementerian.

7.0 PENYIMPANAN REKOD PENGGUNAAN GERAN

- 7.1 Semua rekod termasuk salinan transaksi akaun dan bukti perbelanjaan peruntukan GTK hendaklah disimpan oleh setiap IPAKK untuk tujuan semakan pada bila-bila masa.
- 7.2 KPWK akan membuat pemantauan ke IPAKK dari semasa ke semasa.

8.0 CARTA ALIR PERMOHONAN GTK

- 8.1 *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi Pengurusan GTK adalah seperti Lampiran 1 dan 2.

9.0 MAKLUMAN LANJUT

Jika terdapat pertanyaan mengenai GTK, sila hubungi Urus Setia GTK melalui:


- 9.1 Talian 082-443729 (Beroperasi mengikut waktu pejabat); atau
- 9.2 E-mel: gtk@sarawak.gov.my

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) GERAN TAHUNAN KHAS (GTK)
INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK) SARAWAK**

**Tarikh Kemaskini:
30 Januari 2023**

**Tarikh Berkuatkuasa:
20 Mac 2023**

Diluluskan Oleh:



Noriah binti Haji Ahmad

Setiausaha Tetap


Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak
dan Kesejahteraan Komuniti

GERAN TAHUNAN KHAS INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK SARAWAK

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) GERAN TAHUNAN KHAS (GTK)
INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK) SARAWAK**

LAMPIRAN 1

**CARTA ALIR
PENGURUSAN GERAN TAHUNAN KHAS (GTK)**



**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) GERAN TAHUNAN KHAS (GTK)
INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK) SARAWAK**

LAMPIRAN 2

**CARTA ALIR
PEMBAYARAN BALIK DANA GERAN TAHUNAN KHAS (GTK) KEPADA
KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

